

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	7 APRIL 2016

## 'Saya buat keputusan sendiri letak jawatan'

UM- 7/4/2016

**KUALA LUMPUR 6 April** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa beliau meletak jawatan sebagai Pengerusi Proton Holdings Bhd. (Proton) atas keputusan sendiri.

Beliau juga menafikan peletakan jawatan itu dibuat ekoran desakan pengurusan atau pemegang saham Proton.


"Saya membuat keputusan sendiri, saya perlu meletak jawatan demi masa depan Proton.

"Saya juga tidak berdendam dengan Proton atau mahu melihat syarikat itu gagal selepas saya meninggalkannya," katanya dalam kenyataan melalui laman blog beliau (<http://chedet.cc>) semalam.

Proton mengumumkan peletakan jawatan Dr. Mahathir sebagai Pengerusi syarikat itu dan anak syarikatnya, Group Lotus plc mulai 31 Mac lalu.

Dr. Mahathir turut berharap Proton akan menyelesaikan segala masalah yang dihadapi dan menunjukkan prestasi cemerlang.

Beliau menambah, Proton akan memperkenalkan model baharu Perdana bulan ini, manakala model baharu Persona dan Saga bakal dilancarkan penghujung tahun ini.



**Saya juga tidak berdendam dengan Proton atau mahu melihat syarikat itu gagal selepas saya meninggalkannya."**

**DR. MAHATHIR MOHAMAD**  
Bekas Pengerusi Proton

"Teruskan sokongan anda terhadap Proton. Hanya pemilik dan peminat kereta Proton yang boleh membantu syarikat itu," jelasnya.